



MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN. BHD.


(Company No. 902884-V)

(dahulunya dikenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.)
(Syarikat Milik Kementerian Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN TENDER

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (902884-V) ("MRT Corp") ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan untuk membangun dan melaksanakan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, bagi menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp. ingin mempelawa kontraktor ("Petender") yang berpotensi untuk mengambil bahagian di dalam tender bagi kerja seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK DAN NOMBOR TENDER	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT TENDER DAN LAWATAN TAPAK (MANDATORI)	
<p>PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 1: KAJANG LINE</p> <p>TENDER FOR UPGRADING THE EXISTING BUILDING MANAGEMENT SYSTEM (BMS) AT MRT KAJANG LINE STATIONS AND ANCILLARY BUILDINGS</p> <p>TENDER NO.: KGL-MRTC-GENE-OVPR-TEN-000028</p>	<p>Memiliki dokumen yang sah seperti berikut:</p> <p>i. Pendaftaran Syarikat (ROC) yang dikeluarkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);</p> <p>ii. Pendaftaran Syarikat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MoF)</p> <p>Kod Bidang 210101 ICT – Supply and Services for the ICT Sector – Computer Equipment and Accessories, Hardware and Components – <i>Hardware (low-end technology)</i>.</p> <p>Kod Bidang 210201 ICT – Supply and Services for the ICT Sector – <i>Telecommunication Equipment / Communication Devices</i>.</p> <p>Kod Bidang 210202 ICT – Supply and Services for the ICT Sector – <i>Communication / Telecommunication Systems</i>.</p> <p>iii. Perakuan pendaftaran dengan CIDB Gred: G7 Kod Bidang M04 - <i>Building Automation System</i></p> <p>iv. Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Status:Patuh) dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</p>	<p>Tarikh : Khamis, 21 Mei 2026</p> <p>Masa : 9:00 pagi</p> <p>Lokasi : Briefing Room, Tingkat 2 Bangunan Pentadbiran, Depot Sungai Buloh, Lot 488, Jalan Batu 3 Sungai Buloh Seksyen, U4, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.</p> <p>Lawatan tapak ke beberapa stesen MRT akan diadakan selepas taklimat tender.</p>	<p>Bagi menyertai taklimat tender ini, Petender yang berminat hendaklah melengkapkan pendaftaran secara dalam talian menerusi salah satu pautan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Laman Web MRT Corp. www.mymrt.com.my; atau 2. https://forms.gle/eeHnuWP21qLkVFNf7; atau 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.  <p>Pendaftaran akan dibuka mulai Rabu 13 Mei 2026, sehingga Rabu, 20 Mei 2026. Hanya Petender yang telah mendaftar serta memenuhi kesemua syarat pendaftaran yang ditetapkan akan dibenarkan menghadiri sesi taklimat tender. Kehadiran adalah WAJIB, dan Petender tidak dibenarkan untuk menyertai tender sekiranya gagal hadir ke sesi taklimat tender.</p> <p>Seramai dua (2) orang wakil daripada setiap Petender sahaja dibenarkan menghadiri sesi taklimat tender.</p> <p>Wakil-wakil daripada pihak Petender yang berminat mestilah terdiri daripada kakitangan utama yang berkecualan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja yang dinyatakan, serta telah diberi kuasa oleh syarikat. Salah seorang wakil haruslah terdiri daripada jawatan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengarah Urusan; atau 2. Pengurus Projek; atau 3. Pengurus Kontrak dan Komersial.

1. Dokumen tender akan diberikan kepada Petender yang layak tanpa sebarang bayaran melalui alamat e-mel yang didaftarkan.
2. Petender wajib menyerahkan dokumen tender yang telah lengkap termasuk semua maklumat sokongan yang diperlukan dan sebagaimana ditetapkan dalam dokumen tender.
3. Tarikh akhir serahan bagi dokumen tender adalah pada hari **Jumaat, 12 Jun 2026 dan tidak lewat daripada jam 12:00 tengahari**. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya Petender lewat menyerahkan dokumen tender tersebut selepas tarikh dan masa yang ditetapkan.
4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas tajuk tender dan nombor tender pada bahagian atas tengah sampul surat di alamat berikut:

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.
Jabatan Perolehan (Kaunter Tender),
Tingkat 6, Menara I&P 1,
No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

5. Selain daripada syarat-syarat di atas, Petender **WAJIB** memenuhi **Kriteria Mandatori** seperti berikut:

KRITERIA MANDATORI TEKNIKAL

- i. Berpengalaman dalam projek BMS yang melibatkan Pengawal (Controller) dan Komponen Remote I/O dengan nilai kontrak terkumpul melebihi **Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000.00)** dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu di Malaysia;
- ii. Berpengalaman dalam projek berkaitan IT (Perkakasan Pelayan IT dan Workstation) dengan nilai kontrak terkumpul melebihi **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000.00)** dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu di Malaysia;
- iii. Surat Kebenaran Syarikat (Authorisation Letter) daripada semua Prinsipal untuk yang berikut:
 - Perkakasan dan Komponen BMS;
 - Solusi Network Switch;
 - Solusi Server dan Workstation
- iv. Perisian BMS hendaklah berasaskan Niagara N4 atau solusi perisian BMS yang setara dan serasi sepenuhnya dengan rangka kerja Niagara N4.

KRITERIA MANDATORI KEWANGAN

- i. Dana Pemegang Saham (berdasarkan tahun kewangan terkini) hendaklah tidak kurang daripada **Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000.00)**;
- ii. EBITDA terkumpul bagi lima (5) tahun terkini hendaklah **positif**;
- iii. Baki kemudahan kredit yang belum digunakan daripada Institusi Kewangan dan/atau baki tunai tersedia hendaklah tidak kurang daripada **Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000.00)**. Kemudahan kredit yang belum digunakan tersebut tidak termasuk kemudahan jaminan bank

Nota:

1. MRT Corp. berhak untuk menolak serahan dokumen tender daripada mana-mana Petender tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Petender mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Petender terhadap penolakan serahan dokumen tender tersebut.
2. Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada procurement.aom@mymrt.com.my. Petender boleh melayari laman web www.mymrt.com.my untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.